

Perairan Malaysia kekal terbuka jadi kawasan dagangan industri maritim

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perairan Malaysia harus kekal sebagai kawasan perdagangan yang sentiasa mengalu-alukan kehadiran semua industri maritim global.

Perdana Menteri berkata, perairan negara juga terbuka kepada mana-mana negara mahu berdagang dengan Malaysia.

“Sebagai sebuah negara perdagangan, kita perlu berusaha untuk meningkatkan perdagangan dari luar.

“...dan (untuk itu) perairan Malaysia harus kekal sebagai tumpuannya (iaitu) kawasan yang paling mengalu-alukan kehadiran semua industri maritim, terutama kepada semua negara yang ingin terus berdagang bersama kami,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pembukaan Minggu Maritim Mala-

ysia 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Tambah Anwar lagi, atas sebab itu juga dalam pertemuan beliau bersama Menteri Luar Russia, Sergey Lavrov baru-baru ini, Malaysia menyatakan minat untuk menyertai kesatuan ekonomi dipelopori Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan (BRICS).

“Ia (penyertaan dalam BRICS) sebagai menahirkan komitmen negara ini yang mahu menjadikan perairannya sebagai laluan penting kepada perdagangan dari Barat dan Timur,” katanya.

Bagi memenuhi hasrat itu, Anwar berkata, kerajaan bersama pemain industri maritim perlu mengukuhkan kerjasama dan komitmennya dalam me-



Anwar menyampaikan Anugerah Ikon Maritim Negara kepada Datuk Yee Yang Chien sambil diperhatikan Pengerusi Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA), Mohd Safwan Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Servis Malaysia International Shipping Corporation Berhad (MISC), Kapten Rajalingam Subramaniam (kanan) pada majlis pembukaan Minggu Maritim Malaysia 2024, semalam. (Foto bernama)

ningkatkan keupayaan dan fasiliti pelabuhan negara.

Beliau berkata, sewajarnya sebagai negara maritim juga, Malaysia harus bersetia gusa kerana perkembangan industri berkenaan ketika ini tidak setimpal dengan kekuatan asas yang ada, termasuk legasi sejarahnya sejak dulu.

“Justeru, kerajaan menerusi Kementerian Pengangkutan perlu menyelaraskan usaha mereka dan memberikan apa sa-

haja yang diperlukan untuk memberikan sokongan supaya industri maritim ini menjadi lebih kuat, di samping perniagaannya yang lebih berdaya tahan,” katanya.

Anwar berkata, ketika ini 80 hingga 90 peratus eksport Malaysia dipacu menerusi pengangkutan laut atau maritim, sekali gus menunjukkan industri ini cukup penting dan berdaya saing.

“Kami berbangga untuk me-

ngatakan bahawa pelabuhan seperti Pelabuhan Klang, PTP (Pelabuhan Tanjung Pelepas) dan (pelabuhan di) Pulau Pinang antara yang muncul sebagai pelabuhan paling berdaya saing.

“Saya percaya dengan sokongan industri ini, kita boleh memastikan bukan sahaja kita berada di kedudukan 20 teratas (sebagai pelabuhan terbaik dunia), tetapi mungkin boleh mencapai sepuluh teratas kerana kita mempunyai potensi,” katanya.